



**Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

Rujukan: UKM.JCN.600-5/1/1  
Tarikh: 26 Disember 2021

**PEKELILING AKADEMIK BIL.37/2021**

**Semua Dekan/Pengarah**  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**PELANJUTAN KALI KE-2 TEMPOH CUTI BERIKUTAN BENCANA BANJIR LUAR BIASA – SEMESTER 1  
SESI AKADEMIK 2021/2022**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

Susulan bencana banjir yang masih belum pulih sepenuhnya dan penglibatan aktif staf dan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan untuk membantu mangsa banjir, maka atas semangat kebitaraan prihatin dan nilai empati, setelah merujuk kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Pengurusan Tertinggi UKM bersetuju untuk melanjutkan tempoh bertenang bermula dari **27 Disember 2021 hingga 2 Januari 2022** yang mana semua aktiviti kuliah, pentaksiran dan penghantaran tugas adalah ditangguhkan.

Diharapkan dengan pelanjutan ini, akan dapat meringankan beban dan membolehkan aktiviti-aktiviti pembersihan diteruskan bagi mereka yang terkesan dengan bencana ini.

Untuk sebarang bantuan yang diperlukan berkaitan bencana banjir, sila hubungi wakil Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM) iaitu Encik Asyraf Radzwan (012-9510714) atau Puan Hazrin Adila (019-3330568).

Seluruh warga Universiti Kebangsaan Malaysia mendoakan agar semua staf dan pelajar yang terlibat dan terkesan dengan bencana ini dipermudahkan segala urusan, diberikan ketabahan dan semoga keadaan akan pulih sepenuhnya dengan segera. Diharapkan juga semua warga yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan dapat menjaga keselamatan dan kesihatan diri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DATO' DR. NORAZAH MOHD NORDIN**  
Menjalankan Tugas  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UKM
  - Pendaftar, UKM
  - Timbalan Pendaftar, Akademik

**PEJABAT NAIB CANSELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori